

PERANAN INSTITUSI PONDOK
DALAM PENDIDIKAN MASYARAKAT : KAJIAN
DI PONDOK PASIR TUMBOH, KOTA BHARU,
KELANTAN.

Oleh:

NORIZAM @ NOR RISHAM BIN ISMAIL
ROZITA BT ABDULLAH
AHMAD ZUBAIDILLAH BIN OTHMAN
FAIZAH BT HARUN

KURSUS DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM
KAJIAN PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN KELANTAN
MACHANG

NOVEMBER 1996

PERANAN INSTITUSI PONDOK
DALAM PENDIDIKAN MASYARAKAT : KAJIAN
DI PONDOK PASIR TUMBOH, KOTA BHARU,
KELANTAN.

OLEH:


NORIZAM @NOR RISHAM BIN ISMAIL
(92716149)

ROZITA BT ABDULLAH
(92715757)

AHMAD ZUBAIDILLAH BIN OTHMAN
(92719818)

FAIZAH BT HARUN
(91951382)

Kertas Projek Yang Dikemukakan Kepada
Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang
Institut Teknologi Mara Cawangan Kelantan
Untuk Memenuhi Sebahagian Dari Syarat Untuk
Memperolehi Diploma Pentadbiran Awam
November 1996



SEULAS BICARA

Pengajian di dalam bidang Pentadbiran Awam telah membuka minda penulis kepada aspek-aspek pentadbiran yang boleh dijadikan panduan dalam melaksanakan tugas sebagai pemimpin masyarakat pada masa akan datang.

Kertas projek ini mengingatkan penulis mengenai amanah Allah di dalam pentadbiran. Sesungguhnya jawatan pentadbir bukanlah kelebihan yang mesti dibanggakan sebaliknya merupakan amanah yang akan dipersoalkan di Mahkamah Allah, Tuhan semesta alam.

Pengalaman menyiapkan kertas projek ini mengajar penulis banyak perkara. Antaranya ialah sifat kesederhaan dalam hidup, membuat setiap pekerjaan semata-mata kerana Allah, Mengingati Allah pada masa susah dan senang serta menjalinkan Ukhwah sesama insan agar diredhai oleh Allah SWT.

Segala peristiwa suka duka dan kenangan manis dalam menyiapkan kertas projek ini memberikan kekuatan dalaman kepada penulis dalam menghadapi segala masalah yang mendatang.

Sekian, Wassalam.

Norizam @ Nor Risham bin Ismail
Rozita bt Abdullah
Ahmad Zubaidillah bin Othman
Faizah bt Harun

Oktober 1996.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, pertama-tamanya penulis mengucapkan setinggi-tinggi dan sekudus rasa kesyukuran kerana keizinanNya kami masih bernafas di muka bumi ini dan dapat menyempurnakan kertas projek yang bertajuk " Peranan Institusi Pondok dalam Pendidikan Masyarakat". kajian ini dijalankan di Pondok Pasir Tumbuh.

Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, para sahabat, alim ulama dan sesiapa sahaja yang mengikut jejak langkah Baginda sehingga ke hari kiamat.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Encik Mohd. Nor bin Shapiin selaku pensyarah 'PAD 355' di atas segala tunjuk ajar dan nasihat serta teguran bagi menyiapkan kertas projek ini.

Terima kasih kepada Jemaah Penguasa Pondok Pasir Tumbuh, Kakitangan dan pelajar-pelajar yang telah memberikan kerjasama kepada penulis semasa membuat penyelidikan di pondok, terutamanya kepada Tok Guru Hj. Hashim bin Hj. Abu Bakar, Ustaz Hj. Atikullah bin Hj. Yaakob, Ustaz Mohd. Zaini bin Hj. Mustapha dan Akhie Mohd. Zuhdi bin Ramli yang sudi untuk di temubual.

Ucapan terima kasih juga untuk semua kakitangan Perpustakaan Awam Negeri Kelantan yang telah memberikan kerjasama menyediakan buku-buku rujukan kepada penulis.

Akhirnya terima kasih kepada ahli keluarga yang tersayang dan atas dorongan dan semangat yang diberikan kepada penulis. Semoga segala kerjasama dan khidmat yang diberikan dinilai oleh Allah sebagai amal soleh kalian.

ABSTRAK

Kertas projek ini menghuraikan mengenai peranan yang dimainkan oleh Pondok Pasir Tumbuh dalam pendidikan masyarakat. Turut dibincangkan ialah mengenai sejarah penubuhan, faktor-faktor pendorong, masalah-masalah yang dihadapi. Adalah dipercayai bahawa institusi pondok akan kekal sebagai Pusat Pendidikan Islam dengan sokongan dan sumbangan semua pihak.